



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem **ePerolehan** bagi menyertai tender berikut:

No. / Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender	Kaedah Perolehan
<b>JPA/03/2016</b>  MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MEMBANGUN, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA DALAM TEMPOH WARANTI PENINGKATAN INFRASTRUKTUR BAGI PEMBANGUNAN BUSINESS CONTINUITY FACILITIES (BCF) DAN KEPERLUAN SEMASA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)	<b>210102, 210103 dan 210106</b>	2 Mac 2016 (Rabu),  jam 12.00 tengah hari.  <b>Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender tidak akan dipertimbangkan</b>	<b>Secara ePerolehan</b>

2. Petender yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **2 Februari 2016 (Rabu)** melalui laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).
3. Petender yang berminat menyertai tender perlu membuat pengesahan **No. Kementerian Kewangan di Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Khidmat Pengurusan, Sektor Perolehan Dan Aset, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya** bagi membolehkan petender memuatnaik dokumen tender dalam sistem ePerolehan (eP). Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputra (jika ada), berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan).
4. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan pada atau sebelum **2 Mac 2016 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**.
5. Dokumen yang dihantar secara manual (seperti arahan dalam Dokumen Tender) hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Sektor Perolehan dan Aset, Aras 9, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya** pada atau sebelum **26 Februari 2016 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari**.
6. Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada petender dan **kehadiran petender adalah diwajibkan**. Hanya dua (2) wakil petender dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 5 Februari 2016 (Jumaat),  
Masa : 10.30 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Lavender,  
Aras 4, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, Putrajaya.**

7. Tawaran Tender yang lewat dikemukakan melalui Sistem ePerolehan serta kelewatan menghantar dokumen manual seperti mana arahan tender tidak akan dipertimbangkan.
8. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Tender tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

En. Mohd Rosni bin Ali Mokhtar	-	03-8885 5007
En. Abdul Aziz bin Saad	-	03-8885 5062
En. Ahmad Naufal bin Jamri	-	03-8885 5059
Pn. Nadiah binti Ahmad	-	03-88853236